

**KEPERLUAN FASILITI UNTUK PEMBELAJARAN BAHASA ARAB
DI PUSAT BAHASA ARAB DI MALAYSIA**

1050

HASANAH HJ IKSAN
HAIRUN NAJUWAH JAMALI
MOHD SHAFIE ZULKIFLI
AHMAD BIN ISMAIL
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Fasiliti merupakan kemudahan prasarana yang disediakan bagi tujuan tertentu. Fasiliti sangat berkait rapat dengan mutu perkhidmatan yang baik. dalam pengajaran dan pembelajaran, Para peserta dianggap sebagai pelanggan yang memerlukan keselesaan dan fasiliti yang lengkap bagi meningkatkan mutu sendiri mereka dalam pembelajaran. Menurut Yahya (2007) kesediaan fasiliti yang terdapat di sekolah memainkan peranan yang penting bagi menggalakkan guru-guru menggunakan pendekatan pembelajaran secara konstruktivisme di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka di samping dapat meningkatkan pencapaian prestasi pelajar. Persoalannya ialah apakah kelebihan dan kekurangan kemudahan fasiliti memberi impak dalam peningkatan kecekapan bahasa Arab peserta. Justeru, tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk melihat keperluan fasiliti yang disediakan di setiap pusat yang dikaji dan hubungannya dengan peningkatan kecekapan bahasa Arab. Kajian dibuat di lima buah PBA yang mewakili zon utara, timur dan tengah di Malaysia. Untuk mencapai tujuan tersebut, instrumen borang soal-selidik digunakan sebagai alat kajian yang dikemukakan secara bertulis kepada responden. Satu set soal selidik telah dibentuk dan direka khas untuk mendapatkan maklumat mengenai keperluan modul dan hubungannya dengan peningkatan kecekapan Bahasa Arab peserta. Hasil kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan yang rendah antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab. Keadaan ini menjelaskan bahawa keperluan fasiliti di Pusat Bahasa Arab turut menjadi alat penyumbang yang saling membantu kepada peningkatan kecekapan peserta di Pusat Bahasa Arab

Kata kunci : Pusat Bahasa Arab, pembelajaran bahasa Arab, fasiliti, kecekapan bahasa Arab.

1. PENGENALAN

Bahasa Arab mempunyai peranan yang sangat penting dan berada di kedudukan yang tinggi dalam Islam. Sumber utama ilmu Islam adalah dalam bahasa Arab yang diambil daripada al-Quran dan al-Sunnah, ilmu Tafsir, Hadith, Feqah dan sebagainya. Oleh yang demikian, umat Islam seharusnya mempelajari bahasa Arab kerana bahasa Arab merupakan titik permulaan bagi memahami dan mendalami ilmu Islam.

Oleh itu, pentingnya untuk masyarakat Islam terutamanya mengetahui teknik dan kaedah yang betul serta sesuai untuk mempelajari dan mahir dalam bahasa Arab. Bahasa Arab seperti juga bahasa-bahasa yang lain mempunyai empat (4) proses penting pembelajaran kemahiran iaitu kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran mendengar dan juga kemahiran komunikasi.

Pusat Bahasa Arab dilihat menjadi pilihan dan perhatian oleh masyarakat Malaysia untuk mempelajari dan mendalami bahasa Arab. Justeru, kajian ingin melihat peranan

suasana pembelajaran bahasa Arab dalam meningkatkan kecekapan bahasa Arab. Maka wajarlah Pusat Bahasa Arab menjadi perhatian bagi pelajar, guru dan orang awam untuk mendalami bahasa Arab seterusnya meningkatkan kecekapan bahasa Arab sekiranya suasana pembelajaran bahasa Arab diberi perhatian yang penting dalam proses pembelajaran yang disediakan di Pusat Bahasa Arab.

2. DEFINISI

a) Bahasa Arab

Bahasa ialah kunci pintu khazanah ilmu manakala bacaan ialah jaminan untuk mendapatkan ilmu (Koh Boh Boon 1989). Dengan adanya bahasa seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran, pengetahuan, mendapatkan informasi, menambah ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya (Raminah Sabran 1993). Dalam kajian Ghazali Yusri et. al (2010) juga ada menyebut kedudukan sesuatu bahasa dalam komuniti telah dikenalpasti sebelum ini boleh mempengaruhi nilai yang diberikan oleh pelajar terhadap bahasa tersebut.

Setiap bahasa pastinya akan dikaji dari aspek fonetik, morfologi, semantik dan sintaksis kerana setiap bahasa mempunyai keistimewaan lebih-lebih lagi bahasa Arab yang menonjolkan keunikannya yang tersendiri. Bahasa Arab telah bermula di Malaysia sejak dari kedatangan Islam secara tidak rasmi dengan tujuan memahami pengajaran Islam dan melaksanakan ibadahnya. Namun sukatan bahasa Arab kini telah diperluaskan manakala subjeknya telah dipelbagaikan seperti ilmu bahasa, sastera, budaya dan kemahiran bahasa (Rosni Samah 2009).

Umumnya, skop pembelajaran bahasa difokuskan kepada kemahiran komunikasi yang berteraskan empat kemahiran bahasa seperti bertutur, mendengar, menulis dan membaca serta sistem suara dan kaedah bahasa. Penguasaan empat aspek tersebut akan menjamin kecekapan seseorang terhadap sesuatu bahasa (Adegbile, J. A & Alabi, O. F 2005) seperti bahasa Arab. Manakala kajian dalam Azman (2010) menyebut tujuan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua iaitu: i) Matlamat agama. ii) Matlamat komunikasi.

b) Pusat Bahasa Arab

Mengikut definisi Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat bermaksud punca atau tumpuan berbagai-bagai kegiatan dan tempat yg menjadi punca segala aktiviti, tempat terdapatnya atau berlakunya pelbagai kegiatan dan sebagainya yang utama atau tertentu. Oleh itu, pusat bahasa merupakan tempat bagi melaksanakan pelbagai program dan aktiviti berkaitan bahasa Arab.

Penubuhan pusat bahasa ini akan menjadi nadi penggerak dalam memperkasakan bidang Bahasa Arab. Pusat Bahasa Arab ditubuhkan sebagai usaha untuk memastikan perkembangan pembelajaran bahasa Arab bagi meningkatkan mutu Bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar serta mewujudkan jaringan kepakaran dalam bidang perkembangan ilmu berkaitan bahasa Arab. Pusat ini juga menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penerbitan dalam bidang pengajian bahasa Arab dan mempertingkatkan kebolehan

berkomunikasi selain memenuhi keperluan Bahasa Arab sebagai bahasa teras dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.

c) Kemudahan Fasiliti Pembelajaran

Menurut Yahya (2007) kesediaan fasiliti yang terdapat di sekolah memainkan peranan yang penting bagi menggalakkan guru-guru menggunakan pendekatan pembelajaran secara konstruktivisme di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka disamping dapat meningkatkan pencapaian prestasi pelajar. Mohd. Najib (1998) juga ada menyatakan untuk mencapai prestasi yang baik di bidang akademik pihak sekolah sepatutnya mempunyai kemudahan fizikal yang baik seperti meja, kerusi, alat-alatan dan ruang pembelajaran yang selesa bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran tanpa ada sebarang gangguan dari pihak luar.

Fasiliti juga sangat berkait rapat dengan mutu perkhidmatan yang baik. Para peserta dianggap sebagai pelanggan yang memerlukan keselesaan dan fasiliti yang lengkap bagi meningkatkan mutu sendiri mereka dalam pembelajaran. Hal ini pernah dinyatakan oleh Tuan Syarifah Atifah (2013), kepuasan pelanggan atau *Customer Satisfaction* merupakan salah satu istilah perniagaan yang bermaksud mengukur sejauh mana sesuatu produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh organisasi tersebut memenuhi jangkaan pelanggan iaitu *Customer Expectation* atau dengan erti kata lain kepuasan pelanggan adalah bahagian yang menunjukkan kehendak, keperluan dan jangkaan pelanggan yang perlu dicapai atau dipenuhi untuk mewujudkan kesetiaan pelanggan terhadap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.

d) Kecekapan bahasa Arab.

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan “kecekapan” bermaksud kemahiran atau kepandaian membuat sesuatu. Manakala “berbahasa” pula menurut kamus dewan edisi keempat membawa maksud mempunyai bahasa, menggunakan bahasa, bercakap dalam sesuatu bahasa. Maka definisi kecekapan berbahasa boleh disimpulkan sebagai sesuatu kemahiran atau kepandaian seseorang individu itu menggunakan sesuatu bahasa untuk bertutur dan sebagainya.

Kecekapan bahasa bukan sahaja datang dalam bentuk pertuturan sahaja. Bahkan perlu ditekankan beberapa aspek lain bagi menilai kecekapan bahasa pelajar. Menurut Chomsky (1965) kemuncak keupayaan berbahasa itu terletak kepada kebolehan membentuk ayat-ayat yang unggul dan sempurna mengikut sistem sintaksis. Kenyataan itu disokong oleh Asmah (1989) yang menyatakan penguasaan bahasa komunikasi merupakan penguasaan pada taraf paling tinggi kerana ia merupakan penguasaan dalam bentuk ayat.

Kajian tentang Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab oleh Ab. Halim (2009) menyebut tahap penggunaan Bahasa Arab bersangkutan dengan tahap peningkatan kecekapan bahasa. Dengan kekerapan penggunaan bahasa Arab, ianya dapat memajukan pelajar dari sudut pertuturan sama ada di dalam bilik kuliah atau pun di mana-mana sahaja mereka berada. Walau bagaimanapun, kegagalan pelajar dalam meningkatkan kecekapan Bahasa Arab di Malaysia adalah kerana tidak mempraktikkannya dengan baik. Ia juga boleh menjejaskan tahap keupayaan berkomunikasi dalam pembelajaran pelajar. Dalam

konteks penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar, didapati bahawa mereka menghadapi masalah berkomunikasi dan tidak mencapai tahap keterampilan yang memuaskan dalam bahasa Arab sehingga menjejaskan tahap kecekapan bahasa mereka (Awatif et.al 2014).

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara tinjauan (*survey*) soal selidik yang bersifat deskriptif. Kaedah ini dilakukan bagi mengetahui peningkatan kecekapan Bahasa Arab peserta di PBAS melalui domain kajian iaitu modul pembelajaran Bahasa Arab. Menurut Mohd Majid (1994) kajian deskriptif bermatlamatkan untuk menerangkan suatu fenomena yang berlaku, yang juga untuk menerokai suatu bidang yang belum atau kurang dikaji oleh pengkaji sebelumnya.

Kajian ini dijalankan di enam (6) pusat bahasa Arab di Malaysia iaitu:

- (1) Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS).
- (2) Pusat Bahasa Arab Mikro Nilam Puri (ARAB MIKRO).
- (3) Pusat Bahasa Arab Yayasan Islam Kelantan (YIK).
- (4) Pusat Bahasa Arab Kolej Islam Darul Ulum (KIDU).
- (5) Pusat Bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI) Bangi.
- (6) KUISCELL

Pemilihan pusat bahasa ini mewakili negeri Selangor, Kedah dan Kelantan. Kriteria pemilihan pusat tersebut adalah:

- i. Pusat Bahasa Arab ini menyediakan kursus Bahasa Arab secara intensif.
- ii. Pusat Bahasa Arab ini telah beroperasi lebih daripada 2 tahun.
- iii. Pusat Bahasa Arab ini menjadi tumpuan para peserta pada setiap kali pengambilan pendaftaran di buka.
- iv. Pusat Bahasa Arab ini mempunyai pengalaman tenaga pengajar daripada luar Negara yang memberikan impak tinggi pada kefahaman para peserta.
- v. Pusat Bahasa Arab ini menyediakan keperluan kursus yang dekat dengan hati para peserta yang ingin mendalami bidang bahasa Arab dan agama Islam.

Populasi dalam kajian ini dipilih secara persampelan mudah (*Convenience Sampling*). Persampelan ini adalah metod paling asas, popular dan mudah dikendalikan (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan 2014). Populasi yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai Populasi kajian yang terlibat adalah seramai 250 orang responden yang mengikuti kursus intensif bahasa Arab di Pusat-pusat Bahasa Arab di Malaysia. Kesemua responden ini terdiri daripada peserta dari peringkat sekolah rendah sehingga dewasa dan persara. Mereka menjalani pembelajaran Bahasa Arab di pusat tersebut dengan pelbagai tujuan yang ingin dicapai.

Untuk mengumpulkan data, kajian ini menggunakan instrumen borang soal-selidik sebagai alat kajian yang dikemukakan secara bertulis kepada responden. Ia merupakan cara yang berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden kajian. Oleh itu, satu set

soal selidik telah dibentuk dan direka khas untuk mendapatkan maklumat mengenai peranan program bahasa Arab dalam meningkatkan kecekapan Bahasa Arab peserta.

Kertas kerja ini hanya melihat item yang berkenaan dengan kemudahan fasiliti pembelajaran Bahasa arab dan juga tentang peningkatan kecekapan bahasa Arab para peserta daripada item-item lain yang digubal iaitu modul, dan suasana pembelajaran di Pusat bahasa Arab. Item-item tersebut dibina berdasarkan adaptasi daripada teori Hutchinson and Waters (1987) melalui Model Pembelajaran Bahasa. Namun terdapat sedikit pengubahsuaian serta pengolahan yang dilakukan pada beberapa item soal selidik tersebut bagi menepati keperluan kajian. Selain itu juga, ianya bagi memenuhi keperluan serta ruang kepada responden untuk menzhahirkan proses pembelajaran bahasa sendiri dalam mempelajari bahasa Arab. Pengubahsuaian dan pengolahan yang digunakan dalam kajian ini telah dipersetujui bersama-sama pakar bidang.

Terdapat 19 item yang berkaitan dengan kemudahan fasiliti pembelajaran bahasa Arab disediakan mengikut skala yang telah ditentukan. Paras pengukuran skala likert digunakan seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.2.

Jadual 1 : Skala Pengukuran Kajian

KOD	SKALA
1	Tidak Berkaitan (TB)
2	Sangat Tidak Setuju (STS)
3	Tidak Setuju (TS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Soal Selidik (2017)

4. LATAR BELAKANG PUSAT BAHASA ARAB (PBA)

Setiap sesuatu perkara yang ingin diwujudkan semestinya berkait rapat tentang sejarah penubuhan, misi dan visi yang ingin dilaksanakan. Dengan melihat kepada perkara tersebut, wajarlah diteliti segala kelebihan dan perkembangan yang berlaku dari penubuhan pusat-pusat bahasa ini sebagai penambahbaikan untuk keperluan institusi-institusi pusat bahasa Arab yang lain. Berdasarkan pengalaman sejak penubuhan pusat tersebut yang tetap mendapat perhatian dan sambutan sehingga kini menjadi pelopor kepada masyarakat untuk mendalami ilmu-ilmu bahasa Arab. Justeru, tujuan utama bagi enam (6) Pusat Bahasa Arab yang terpilih ini dijelaskan secara ringkas sepertimana objektif penubuhannya secara menyeluruh.

4.1) Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor (PBAS).

Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor (PBAS) pada asalnya dikenali sebagai Makmal Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. Ianya ditubuhkan sebagai usaha untuk memenuhi keperluan pendidikan Islam peringkat negeri Selangor yang menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa teras dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah agama di bawah kendalian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Penubuhan makmal bermula daripada hasrat dan usaha gigih Bahagian Pendidikan Islam JAIS untuk mewujudkan sebuah pusat unggul yang berteraskan kecemerlangan akademik dalam bidang Bahasa Arab. Dengan izin dan perkenan Kerajaan Negeri Selangor serta sokongan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), sebuah jawatankuasa penubuhan Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor mula membuat persediaan ke arah terwujudnya Pusat Bahasa.

Pada awal tahun 2011, MAIS telah melantik 7 orang guru Bahasa Arab luar Negara yang ditempatkan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Banting dan Klang. Seterusnya, untuk menguruskan dan menjalankan program-program Makmal Bahasa, MAIS telah melantik 5 lagi guru Bahasa Arab luar Negara untuk kelestarian program-program yang tersebut.

Visi pusat bahasa ini adalah ingin menjadikan Pusat Bahasa Arab Selangor (PBAS) sebagai pusat utama memperkembangan dan memperkasakan Bahasa Arab secara professional. Manakala misi organisasi ini antaranya adalah menguruskan latihan dan kursus bahasa Arab, menyediakan sumber bahan rujukan bahasa Arab, dan menerapkan penggunaan teknologi terkini ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Keistimewaan pusat ini juga adalah mereka menyediakan kemudahan yang dilengkapi dengan Makmal Bahasa Audio –video, Studio, dewan Kuliah, Pejabat kakitangan, bilik mesyuarat, asrama peserta kursus, bilik tetamu (Pensyarah), WiFi (Unifi), perpustakaan e-Library (Perpustakaan elektronik) Bahasa Arab dan juga Musalla.

Manakala objektif penubuhan pusat ini adalah: i) melahirkan generasi al-Qur'an yang professional. ii) Melahirkan guru pakar bahasa Arab yang professional dan holistik. iii) Menjadikan makmal pusat bahasa Arab sumber rujukan dalam meningkatkan kepakaran bahasa Arab yang professional serta membantu dan melatih masyarakat awam memahami, mencintai dan mengamalkan bahasa Arab sebagai bahasa ibadah dan kerjaya.

4.2) Pusat Bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (PBA IPG)

Penubuhan Pusat Bahasa Arab (PBA) di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI) adalah cadangan dari mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) Y.B Dato' Seri Abd. Ghafar bin Mahmud. Tujuan utama penubuhan PBA adalah untuk menjalankan kursus kecemerlangan dan meningkatkan kompetensi serta penguasaan bahasa Arab bagi guru-guru KPM yang mengajar pelajar-pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang akan melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar Mesir.

Cadangan penubuhan PBA telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan pada 17 Julai 2013. Cadangan ini seterusnya telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 7 Tahun 2013 yang diadakan pada 18 September 2013. PBA telah mengadakan mesyuarat penubuhan jawatankuasa *task force* peringkat IPG KPI bil 1/2014 pada 9 Mei 2014 dan satu mesyuarat susulan penubuhan jawatankuasa *Task Force* peringkat IPGM telah diadakan di bilik mesyuarat utama IPGM KPM pada 19 Mei 2014.

Mesyuarat *Task Force* PBA KPM yang dipengerusikan oleh Rektor IPGM KPM pada 4 Jun 2014 telah memutuskan bahawa PBA adalah merupakan satu unit berasingan setaraf Jabatan akademik yang berada di bawah pentadbiran IPG KPI. Antara objektif penubuhan Pusat Bahasa Arab ini adalah untuk:

- 1) Memantapkan penguasaan bahasa dan komunikasi bahasa Arab dalam kalangan guru yang sedang berkhidmat dan pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Asia barat.
- 2) Meningkatkan kompetensi dan pengetahuan bahasa Arab serta pedagogi dalam kalangan guru bahasa Arab sekolah rendah dan menengah.
- 3) Memperkasakan Pendidikan Islam dan bahasa Arab melalui kursus peningkatan Profesionalisme keguruan dan pementapan komunikasi.
- 4) Bekerjasama dengan KPM dan pelbagai sektor awam dan swasta dalam dan luar Negara untuk memberi kursus dan khidmat konsultansi dan kepakaran.
- 5) Menjalin hubungan kerjasama dan perkongsian ilmu dengan IPTA serta IPTS dalam dan luar Negara melalui jaringan penyelidikan, penterjemahan dan penerbitan.
- 6) Memasyarakatkan penggunaan bahasa Arab melalui Kursus Asas bahasa Arab untuk agensi kerajaan, swasta, pelajar dan orang awam.

Penekanan visi Pusat Bahasa Arab IPG ini adalah sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru bahasa Arab manakala misi mereka adalah ingin melahirkan guru-guru bahasa Arab yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Peranan PBA ini adalah:

- 1) Sebagai pusat kecemerlangan dan latihan lanjutan guru-guru dan pelajar dalam bidang bahasa Arab.
- 2) Menjadi pusat perkongsian ilmu dan jaringan kerjasama dalam dan luar Negara.
- 3) Menjadi pusat rujukan, kepakaran dan pembangunan dalam bahasa Arab.
- 4) Menjadi pusat perancang kursus/ program bahasa Arab.

4.3) Pusat Bahasa Arab KUISCELL (PBA KUISCELL)

Pada 1 Julai 2011, KUISCELL telah diperbadankan sebagai KUISCELL SDN BHD dan menjadi anak syarikat milik penuh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pusat pengajian ini ditubuhkan bertujuan untuk membangunkan potensi komuniti KUIS khususnya anak syarikat serta seluruh komuniti secara amnya ke arah menjadi masyarakat berilmu serta berintelektual. Peranan pusat pengajian ini adalah untuk menyediakan potensi insan yang berkualiti untuk memacu perubahan dalam kehidupan seiring dengan kefahaman yang sebenar.

KUISCELL bertanggungjawab membangunkan program dan kursus yang mendidik masyarakat dalam usaha memberi nilai tambah kepada ilmu dan kemahiran sedia ada. Peranan KUISCELL diperluas sebagai Pusat Pengajian Sepanjang Hayat berteraskan Islam yang beroperasi melalui empat cabang utama iaitu Akademik, Rundingan & Acara, Media & Produksi dan Penerbitan yang membuka dan menerima pelbagai peluang perniagaan serta kerjasama bersama KUIS, agensi yang bernaung di bawah kerajaan negeri Selangor, syarikat swasta mahupun agensi kerajaan.

Terdapat empat (4) modul tahap pengajian ditawarkan yang bertujuan untuk membolehkan peserta menggunakan bahasa Arab secara teori dan praktikal. Selain itu, peserta juga didedahkan kepada kemahiran asas komunikasi bahasa Arab, membina ayat dengan sempurna, mampu membaca dan memahami teks Arab dengan baik seterusnya mengaplikasikan tatabahasa Arab yang dipelajari menggunakan al-Quran dan Hadis. Tenaga pengajar adalah daripada kalangan mereka yang terlatih dengan pengajaran kemahiran bahasa Arab dan mampu membimbing peserta mencapai objektif yang digariskan.

4.4) Pusat Bahasa ARAB MIKRO (PBAM)

Pusat ini merupakan idea dan hasrat pengasasnya untuk memperkenalkan BAHASA ARAB MIKRO sebagai pendekatan baru pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Ia bertitik tolak daripada hasil penyelidikan peringkat Sarjana Pengajian Bahasa Moden pada tahun 1995. Pada tahun 2005 pula, kajian lanjutan di peringkat Doktor Falsafah telah berjaya disempurnakan. Kedua-dua kajian tersebut telah menemui satu arah baru yang bersifat mikro dalam Pengajian Bahasa Arab di Malaysia. Pada tahun 2006, Pengajian bahasa Arab Mikro (al-Quran) telah mula diperkenalkan. Hingga kini, 16 modul telah siap dibukukan sepenuhnya.

Pusat Arab Mikro ini menjalankan perkhidmatan pendidikan khususnya dalam bidang pengajian al-Quran dan Bahasa Arab disamping menjalankan penyelidikan dan penerokaan serta pengembangan Bahasa Arab melalui kaedah-kaedah yang lebih mudah dan berkesan khususnya dalam bidang berkaitan al-Quran, Hadith dan Bahasa Arab yang merupakan bahasa pengantar kepada kedua sumber rujukan umat Islam tersebut.

BAHASA ARAB MIKRO ialah suatu pendekatan baru yang memberi penekanan kepada penguasaan sistem bahasa berasaskan aplikasi fungsi makna dan kaitannya dengan bentuk kata sesuatu lafaz atau kata yang diguna dalam perbualan atau penulisan. Ia telah diolah semula dari sudut morfologi (binaan kata) dan sintaksis (struktur ayat) kepada suatu pendekatan yang lebih hampir dengan budaya dan alam pemikiran Melayu. Oleh itu, pelajar yang mengikuti kaedah pengajian Bahasa Arab Mikro akan lebih memahami dan hampir dengan bahasa Arab dan al-Quran.

Proses pembelajaran Bahasa Arab sering berdepan dengan dua masalah utama iaitu metodologi pengajaran dan pembelajaran yang tidak bertepatan dengan kumpulan sasaran dan objektif yang ingin dicapai. Kedua, sikap atau tanggapan negatif pelajar bahawa Bahasa Arab itu susah untuk dipelajari. Oleh itu, dengan Formula Bahasa Arab Mikro (FBAM) ini telah dirangka khusus untuk memberi suatu pendekatan baharu yang mudah, menarik, pantas dan berkesan. Ia akhirnya akan mengubah sikap atau tanggapan negatif pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut.

Objektif pusat ini adalah “Menswadaya pemikiran Islam dengan dalil al-Quran dan Sunnah”. Antara lain, program ini bertujuan membantu setiap peserta memahami sistem bahasa Arab dan menghayati mesej yang ingin disampaikan dengan tepat dalam menilai maksud sesuatu teks atau wacana yang dikaji. Pusat Bahasa Arab Mikro telah menjalankan banyak program-program yang berkaitan dengan pendidikan khususnya di dalam bidang Bahasa Arab dan Al-Quran.

4.5) Pusat Bahasa Arab Yayasan Islam Kelantan (PBA YIK)

Pusat Bahasa Arab Yayasan Islam Kelantan sebelum ini dinaungi oleh Kementerian selepas itu diambil alih oleh pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK) tahun 1990/91 atas arahan kementerian. YIK. Unit ini mempunyai dua (2) sumber iaitu daripada perladangan dan kelapa sawit. Ladang tersebut adalah milik penuh Kerajaan Negeri yang diusahakan oleh pihak YIK.

Terdahulu ia dinamakan dengan PUSAT, sekarang ditukar kepada UNIT sahaja namun masih mengekalkan nama Pusat dengan peranan yang sama sahaja dengan sebelumnya. Proses pertukaran kerajaan telah menyebabkan pertukaran polisis di Unit Bahasa Arab secara keseluruhannya

Selain itu, misi kerajaan negeri sedaya upaya memberi fokus kepada pendidikan untuk rakyat dengan memperkasakan para guru dan pelajar di sekolah YIK dalam bahasa Arab. Pihak YIK turut menyediakan kursus-kursus pada guru secara khusus disamping membantu pelajar untuk cemerlang Bahasa Arab peringkat PT3, SMU, dan SPM. Visi Unit Bahasa Arab YIK juga ingin membantu supaya pelajar-pelajar lebih ramai yang lulus dan cemerlang dalam pembelajaran.

4.6) Pusat Bahasa Arab Kolej Islam Darul Ulum (PBA KIDU)

Muassasah Darul Ulum atau Kompleks Pendidikan Muassasah Darul Ulum merupakan Institusi Pengajian Tinggi Islam di bawah Parti Islam Se-Malaysia yang diasaskan oleh bekas Presiden PAS, Dato' Haji Fadzil Mohd Noor. Ia menawarkan pendidikan peringkat menengah di Sekolah Menengah Islam Darul Ulum (SMIDU) dan peringkat diploma di Kolej Islam Darul Ulum (KIDU). KIDU juga menawarkan pengajian Diploma Syariah Islamiyah. Tamhidi atau Pra-STAM serta kelas-kelas pengukuhan al-Quran dan Bahasa Arab.

Penubuhan Muassasah ini terinspirasi daripada Markas Pusat Jamaat-e-Islami Pakistan yang terletak di Mansoorah, di mana terdiri daripada kompleks pendidikan yang lengkap, termasuk rumah tetamu dan rumah pimpinan utama Jamaat-e-Islami Pakistan. Muassasah ini ditubuhkan di bawah pentadbiran Badan Perhubungan PAS Negeri Kedah dan dipimpin oleh Ustaz Dr. Ahmad Fakhruddin bin Sheikh Fakhurrazi selaku Pengerusi Majlis Muassasah Darul Ulum. Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) adalah IPTS pertama tajaan ummah di negeri Kedah Darul Aman. Ianya ditubuhkan pada tahun 1997 bagi memenuhi aspirasi umat Islam di tanah air yang mahukan sebuah institusi pengajian Islam menurut kefahaman dan penghayatan Islam yang sebenar lagi dapat dikembangkan kepada ummah.

Objektif penubuhan pusat ini ingin melahirkan para ulama yang mampu mendokong dan melaksanakan Islam sebagai cara hidup, serta mampu menangkis pakatan jahat musuh Islam dari dalam dan luar negara. Kedua, menyediakan dan melahirkan pemimpin Islam yang mampu menangani isu agama dan isu semasa. Ketiga, menyediakan kemudahan belajar di peringkat tinggi bagi anak-anak golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang tidak mampu melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negara. Keempat,

menyediakan kemudahan bagi tujuanimbangan pendidikan di sekolah-sekolah agama/bukan agama di Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara.

5. FASILITI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

Kajian ini akan memaparkan hasil analisis data terhadap keperluan fasiliti di Pusat Bahasa Arab (PBA) yang terpilih. Dapatan kajian ini dihurai dengan kaedah analisis statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai telah digunakan. Interpretasi skor min bagi dapatan ini dirujuk berdasarkan Jadual 2.

5.1) Dapatan dan Analisis Data

Sebanyak sembilan belas (19) item telah digunakan dalam menganalisis keperluan fasiliti di PBA. Didapati kesemua item dalam bahagian ini memperoleh tahap skala sederhana iaitu antara min (2.56 - 3.63) dan hanya satu (1) sahaja item yang direkodkan pada skala tinggi iaitu item D17 dengan nilai min (min=4.08, s.p=1.054) dengan pernyataan “Pusat ini menyediakan kemudahan tempat tinggal peserta”. Manakala dapatan analisis data yang selebihnya mencatatkan item pada skala sederhana adalah pada item D1, D2, D3, D4, D5, D6, D7, D8, D9, D10, D11, D12, D13, D14, D15, D16, D18 dan D19.

Item-item dalam skala sederhana yang paling tinggi adalah pada pernyataan D1, D2 dan D6. Item D1 “Makmal bahasa di pusat ini dilengkapi dengan peralatan audio visual” mencatatkan min (min=3.63, s.p=1.500), D2 “Makmal bahasa di pusat ini dilengkapi dengan bahan audio visual” dengan nilai min (min=3.61, s.p=1.456) dan item D6 “Makmal bahasa kerap kali digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran” dengan nilai min (min=3.53, s.p=1.405). manakala tiga (3) item dalam keperluan fasiliti mencatatkan nilai min yang paling rendah pada skala sederhana iaitu pada item D9, D16 dan D3. Item D9 “Pusat sumber di pusat ini mempunyai banyak bahan bacaan dalam Bahasa Arab” merekodkan nilai min (min=2.56, s.p=1.572), D16 “Kemudahan akses internet disediakan di pusat ini” dengan min (min=2.60, s.p=1.442) dan D3 “Makmal bahasa boleh digunakan secara sendiri di luar waktu kelas” mencatatkan nilai min (min=2.66, s.p=1.443).

Dapatan analisis data dalam bentuk peratusan berdasarkan item yang tertinggi dalam keperluan fasiliti di PBA ini menunjukkan tahap setuju dan sangat setuju dalam kalangan responden. responden paling ramai mnyetujui item D17 “Pusat ini menyediakan kemudahan tempat tinggal peserta” dan D6 “Makmal bahasa kerap kali digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran” dengan masing-masing mencatatkan peratusan 86% dan 68%. Manakala untuk dapatan peratusan item paling rendah bagi responden adalah pada pernyataan D18 “Pusat ini menyediakan kemudahan kenderaan untuk peserta” dan D16 “Kemudahan akses internet disediakan di pusat ini” dengan masing-masing mencatatkan nilai peratusan yang rendah iaitu 29.2% dan 27.6%. Ini menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap item tersebut adalah paling rendah.

Jadual 2: Taburan Fasiliti di Pusat Bahasa Arab

No	Item	TB	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
D1.	Makmal bahasa di pusat ini dilengkapi dengan peralatan audio visual.	22.0% (55)	0.0% (0)	5.6% (14)	38.0% (95)	34.4% (86)	3.63	1.500
D2.	Makmal bahasa di pusat ini dilengkapi dengan bahan audio visual.	20.8% (52)	0.8% (2)	5.6% (14)	42.4% (106)	30.4% (76)	3.61	1.456
D3.	Makmal bahasa boleh digunakan secara sendiri di luar waktu kelas.	37.2% (93)	6.0% (15)	20.0% (50)	27.6% (69)	9.2% (23)	2.66	1.443
D4.	Makmal bahasa hanya boleh digunakan pada waktu pembelajaran.	28.8% (72)	7.6% (19)	21.2% (53)	30.0% (75)	12.4% (31)	2.90	1.422
D5.	Makmal bahasa diselenggara dengan baik.	22.8% (57)	2.8% (7)	11.2% (28)	44.4% (111)	18.8% (47)	3.34	1.425
D6.	Makmal bahasa kerap kali digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran.	21.2% (53)	2.0% (5)	8.0% (20)	40.0% (100)	28.8% (72)	3.53	1.465
D7.	Pembantu makmal bahasa sentiasa bersedia apabila diperlukan.	29.2% (73)	1.6% (4)	6.8% (17)	44.4% (111)	18.0% (45)	3.20	1.522
D8.	Pusat sumber disediakan di pusat ini.	38.4% (96)	8.0% (20)	10.8% (27)	27.2% (68)	15.6% (39)	2.74	1.566
D9.	Pusat sumber di pusat ini mempunyai banyak bahan bacaan dalam Bahasa Arab.	45.2% (113)	6.0% (15)	10.4% (26)	24.8% (62)	13.6% (34)	2.56	1.572
D10.	Pakej pembelajaran berbentuk perisian Bahasa Arab disediakan.	24.0% (60)	2.4% (6)	8.8% (22)	43.2% (108)	21.6% (54)	3.36	1.469
D11.	Rujukan pembelajaran Bahasa Arab (cth:kamus, buku nahu dan sorof) disediakan.	22.0% (55)	9.6% (24)	10.0% (25)	36.0% (90)	22.4% (56)	3.27	1.472
D12.	Terdapat papan tanda Bahasa Arab di pusat ini.	16.8% (42)	6.8% (17)	11.6% (29)	42.0% (105)	22.8% (57)	3.47	1.363
D13.	Papan tanda Bahasa Arab di pusat ini	21.2% (53)	6.0% (15)	12.4% (31)	43.2% (108)	17.2% (43)	3.29	1.397

	membantu meningkat-kan kosa kata Bahasa Arab saya.							
D14	Terdapat peralatan siaraya di pusat ini.	22.0% (55)	2.8% (7)	8.0% (20)	40.4% (101)	26.8% (67)	3.47	1.473
D15	Sebaran maklumat di papan kenyataan di pusat ini dalam Bahasa Arab.	21.6% (54)	4.8% (12)	16.8% (42)	36.8% (92)	20.0% (50)	3.29	1.416
D16	Kemudahan akses internet disediakan di pusat ini.	36.0% (90)	14.0% (35)	13.6% (34)	26.8% (67)	9.6% (24)	2.60	1.442
D17	Pusat ini menyediakan kemudahan tempat tinggal peserta.	5.6% (14)	4.8% (12)	3.6% (9)	48.0% (120)	38.0% (95)	4.08	1.054
D18	Pusat ini menyediakan kemudahan kenderaan untuk peserta.	26.0% (65)	11.2% (28)	18.0% (45)	28.0% (70)	16.8% (42)	2.98	1.453
D19	Pusat ini mempunyai padang untuk aktiviti riadah.	17.2% (43)	9.2% (23)	15.2% (38)	34.0% (85)	24.4% (61)	3.39	1.396

Min Keseluruhan (min=3.23, s.p =1.44)

Sumber : Soal Selidik (2017)

Kesimpulannya, min keseluruhan untuk keperluan fasiliti di PBA merekodkan min=3.23 dengan nilai sisihan piawai adalah s.p=1.44. Dapatan ini dinilai dengan skala Rudzi (2003) menunjukkan nilai min berada pada skala sederhana yang membawa maksud item tersebut masih lagi boleh diguna pakai untuk penambahbaikan pada keperluan fasiliti di PBA di Malaysia.

5.2) Perbincangan

Berdasarkan hasil kajian keperluan fasiliti di PBA ini, penyelidik dapat merumuskan bahawa item yang paling tinggi nilai min bagi PBA KIDU adalah pada D11 “Rujukan pembelajaran Bahasa Arab (cth:kamus, buku nahu dan sorof) disediakan” manakala min yang paling rendah dapat dilihat pada item D19 “Pusat ini mempunyai padang untuk aktiviti riadah”. Hasil kajian mendapati di KIDU ada dilakukan aktiviti luar kelas seperti majlis daurah, rehlah lughowiyah dan juga persembahan. Aktiviti ini akan melibatkan mereka untuk berlatih. Setiap aktiviti yang dilakukan dalam bahasa Arab, maka penyelidik berpendapat perlunya banyak bahan rujukan dalam BA untuk mereka mempelbagaikan kreativiti persembahan mereka. Maka, wajarlah min yang paling tinggi adalah pada item tersebut.

Namun dapat dilihat daripada data peratusan yang direkodkan bahawa responden paling ramai yang menyetujui pada pernyataan D5 dan D15 iaitu “Makmal bahasa diselenggara dengan baik” dan “Sebaran maklumat di papan kenyataan di pusat ini dalam Bahasa Arab”. Ini memberi maksud, para peserta sentiasa didedahkan dengan penggunaan

dalam makmal dan dijaga sebaik mungkin oleh peserta kursus. Manakala sebaran maklumat dalam BA menunjukkan wujudnya persekitaran BA di KIDU dalam membantu peserta meningkatkan mutu BA mereka. Untuk skala tidak berkaitan (TB) adalah pada item D18 “Pusat ini menyediakan kemudahan kenderaan untuk peserta”. Ini menunjukkan tiada kemudahan kenderaan di PBA KIDU disediakan.

Dapatan daripada PBAS menunjukkan nilai min yang paling tinggi adalah pada item D17 “Pusat ini menyediakan kemudahan tempat tinggal peserta” manakala min yang paling rendah pula pada item D16 “Kemudahan akses internet disediakan di pusat ini”. Tempoh kursus intensif di pusat ini dijalankan selama sebulan sehari semalam, maka perlunya tempat penginapan disediakan oleh para peserta di PBAS. Nilai min paling rendah pada item tersebut menjelaskan kemudahan makmal bahasa yang disediakan oleh pihak PBAS selama kursus menggunakan *software* (perisian) *Tell Me More* yang tidak memerlukan kepada capaian internet. Antara lain responden berpuas hati (SS) dengan kemudahan makmal bahasa terkini PBAS kerana dilengkapi dengan peralatan audio visual (D1). Namun dapatan skala TB pada item D9 menjelaskan *library* di PBAS masih belum dilengkapi dengan bahan yang secukupnya dan perlukan penambahbaikan.

Hasil rumusan pada PBA KUISCELL menjelaskan item D19 “Pusat ini mempunyai padang untuk aktiviti riadah” mencatatkan nilai min yang paling tinggi berbeza pada item D1 “Makmal bahasa di pusat ini dilengkapi dengan peralatan audio visual” merupakan item yang paling rendah. Ini dapat dijelaskan bahawa penggunaan fasiliti bagi peserta kursus ini adalah gunasama fasiliti di KUIS kerana pihak KUISCELL telah membuat permohonan untuk gunasama fasiliti di KUIS tidak seperti sebelum ini peserta PBA KUISCELL hanya terhad kepada aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Antara lain, sebilangan responden tidak setuju pd item D15 “Sebaran maklumat di papan kenyataan di pusat ini dalam Bahasa Arab” kerana ada diantara mereka yang tiada asas dalam bahasa Arab akan menyebabkan mereka tidak memahami akan maklumat tersebut.

Bagi dapatan keperluan fasiliti di PBAM mencatatkan nilai min yang paling tinggi adalah pada D11 “Rujukan pembelajaran Bahasa Arab (cth:kamus, buku nahu dan sorof) disediakan”. Majoriti responden juga menunjukkan tanda setuju akan pernyataan ini. Penyelidik menyimpulkan dapatan dengan mengesahkan bahawa PBAM sememangnya mempunyai banyak kemudahan rujukan seperti itu kerana semua modul yang disediakan di PBAM merupakan karya pengasas dan tenaga pengajar mereka sendiri. Namun responden mencatatkan TB pada item D8 “Pusat sumber disediakan di pusat ini” kerana PBAM tidak menyediakan kemudahan ini kepada peserta. Manakala min yang paling rendah dicatat pada item D3 “Makmal bahasa boleh digunakan secara sendiri di luar waktu kelas” dan majoriti responden tidak bersetuju pada item D18 “Pusat ini menyediakan kemudahan kenderaan untuk peserta” kerana tiada kenderaan disediakan untuk mereka.

6. HUBUNGAN ANTARA DOMAIN KEPERLUAN FASILITI DAN PENINGKATAN KECEKAPAN BAHASA ARAB

Berdasarkan data yang diperoleh daripada domain yang ingin dikaji, penyelidik melihat terdapat hubungan antara domain-domain tersebut. Oleh itu, penyelidik dapat menganalisis hubungan di antara keperluan dan peningkatan kecekapan peserta di Pusat Bahasa Arab

(PBA) sama ada signifikan ataupun sebaliknya. Secara asas, besar kecilnya hubungan antara dua domain atau variabel dinyatakan dalam bilangan yang disebut Koefisien Korelasi. Nilai besarnya koefisien antara -1, 0 dan +1. Koefisien -1 dan 1 adalah hubungan yang sempurna. Manakala 0 atau mendekati nilai 0 dianggap tidak mempunyai hubungan antara variable yang diuji.

Bagi menentukan kekuatan hubungan antara subjek kajian, penyelidik menggunakan anggaran kekuatan yang telah dicadangkan oleh Cohen (1998). Analisis ini bertujuan untuk melihat hubungan antara domain keperluan di PBA dan kecekapan Bahasa yang dinilai berdasarkan skala pekali korelasi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Skala anggaran kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah

Pekali Korelasi	Kekuatan Hubungan
0.10 hingga 0.29	Rendah
0.30 hingga 0.49	Sederhana
0.50 hingga 1.00	Tinggi

Sumber : Cohen (1998)

Adakah terdapat korelasi antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab ?

H₀ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab.

Jadual 4: Hubungan antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab

Hubungan	N	Nilai-r	Nilai-p
Fasiliti dan kecekapan	250	0.369	0.01

*signifikan pada aras=0.01

Sumber : Soal Selidik (2017)

Berpandukan Jadual 4, nilai pekali korelasi ialah $r = 0.369$ menunjukkan ada hubungan yang signifikan dengan kekuatan sederhana berdasarkan skala Cohen (1998). Manakala nilai signifikan lebih kecil daripada $\text{Sig.} < 0.05$ pada nilai signifikan 0.01 ($p < 0.01$). Maka H_{a3} diterima.

H_a : Terdapat hubungan yang signifikan antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab.

Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab. Oleh yang demikian, hipotesis H_{03} ditolak. Berdasarkan kepada skala kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang disediakan oleh Cohen (1998), membuktikan bahawa wujud hubungan yang sederhana

antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab. Jadual 4.23 menjelaskan nilai pekali korelasi kajian dalam hubungan antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab.

Nilai korelasi adalah signifikan pada aras <0.01 . Hasil dari analisis kajian menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan yang rendah antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab. Keadaan ini menjelaskan bahawa keperluan fasiliti di Pusat Bahasa Arab turut menjadi alat penyumbang yang saling membantu kepada peningkatan kecekapan peserta di Pusat Bahasa Arab. Ini bermakna, fasiliti yang baik menjamin peningkatan kecekapan Bahasa Arab peserta di Pusat Bahasa Arab dan begitu juga sebaliknya.

7. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, bab ini telah membincangkan tentang dapatan kajian analisis keperluan fasiliti di Pusat Bahasa Arab dalam meningkatkan kecekapan bahasa peserta. Hasil analisis yang dilakukan kepada 250 orang peserta kursus intensif di PBA, melalui statistik deskriptif mendapati bahawa min bagi keperluan fasiliti di PBA mencatatkan nilai dapatan 3.23 pada tahap sederhana manakala peningkatan kecekapan BA peserta pula mencatatkan nilai 4.12 di tahap tinggi. Oleh itu, hubungan tersebut dirumuskan sebagai berikut:

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan antara fasiliti di Pusat Bahasa Arab dan peningkatan kecekapan bahasa Arab (kekuatan sederhana).

Hal ini menunjukkan, keperluan fasiliti berkaitan dengan domain peningkatan kecekapan BA peserta di PBA tersebut. Hasil kajian ini membawa maksud fasiliti yang dikaji ini wajar diteliti sebagai penambahbaikan untuk pembinaan Institusi Pusat Bahasa Arab yang bakal diwujudkan.

8. RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. 2009. Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1), 1-14. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adegbile, J.O & Alabi O.F. 2005. Proficiency And Communicative Competence in L2: Implication for Teachers and Learners. *International Journal of African & African American Studies*. 4: 31-36.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2014. *Memahami Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Omar. 1989. *Pengajaran Bahasa Untuk Kemahiran Berkomunikasi: Pendekatan Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awatif Abd Rahman, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Nor Syaidah Bahri. 2014. Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab di KUIS. *Conference: 4th International Conference And Exhibition On Islamic Education 2014 (ICIEd2014)*. 1-14.

- Azman Che Mat dan Soon, G. Y. 2010. Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE*. Vol. 2(2) : 9-20.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M.Shah. 2010. Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol. 10(3) : 15-33.
- Hutchinson. T & Waters. A. 1987. *English for Specific Purposes A learning-centred approach*. New York: Cambridge University Press.
- Kamarul Syukri Mat Teh. 2009. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. Tesis Dr. Fal Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Koh Boh Boon. 1989. *Perspektif-perspektif dalam Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hameed dan Hishomuddin Ahmad. 2013. Bahasa Arab untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia. *'Ulum Islamiyyah Journal*. Vol. 10: 19-29.
- Mohd Majid Konting. 1994. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raminah Hj. Sabran. 1993. *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. 2009. *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa*
- Tuan Syarifah Atifah et.al. 2013. Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Kemudahan dan Perkhidmatan Prasarana yang Disediakan di Politeknik Banting Selangor bagi Sesi Disember 2012. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*.
- Yahya Buntat dan Amiruddin Yusof. 2007. *Pendekatan Pembelajaran Secara Konstruktivisme Dalam Kalangan Guru-Guru Teknikal Bagi Mata Pelajaran Teknikal*. Universiti Teknologi Malaysia.